

11. Perpaduan bangsa di negara ini, memerlukan kepada kebulatan tekad, cita-cita dan semangat inginkan kesejahteraan hidup dan kesetabilan suasana, berpandukan keadaan tuntutan dan ajaran agama masing-masing.

12. Umat Islam yang merupakan sebahagian besar daripada penduduk negara, perlu mengakui dan memahami bahawa, dengan mengamalkan sepenuhnya ajaran Islam, kebahagiaan yang dicita-citakan, kebahagiaan di dunia dan akhirat, pasti akan dapat diperolehi. Kebahagiaan tidak akan tercapai oleh sesuatu